

Baca petikan cerita berikut. Lengkapkan soalan yang diberikan.

Kempen Keselamatan Jalan Raya

Nurul dan kawan-kawan ternampak iklan pertandingan melukis poster di papan kenyataan. Mereka membaca iklan tersebut dengan teliti.

Pertandingan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya
Syarat-syarat Pertandingan

1. Umur 13 hingga 17 tahun.
2. Penyertaan individu.
3. Menggunakan warna air.
4. Poster bersaiz kertas lukisan.
5. Pertandingan akan diadakan pada 21 Ogos 2021 bertempat di Dewan Wawasan Jitra.
6. Masa pertandingan 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari.
7. Hadiah disediakan dari tempat pertama hingga ketiga dan tiga hadiah saguhati.
8. Keputusan pengadil adalah muktamad.
9. Peserta hendaklah menghantar borang penyertaan, dua hari sebelum tarikh tutup pertandingan.

Sebarang pertanyaan hubungi: 03-21479556

1. Apakah syarat umur untuk menyertai Pertandingan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya?

2. Apakah saiz poster?

3. Bilakah pertandingan ini dijalankan?

4. Pukul berapa pertandingan dijalankan?

5. Apakah nombor telefon yang boleh dihubungi sekiranya ada pertanyaan?